



**APLIKASI TEKNIK MODIFIED NGT DALAM PENILAIAN MODEL PENGAJARAN KREATIF
PENSYARAH PENDIDIKAN ISLAM POLITEKNIK**

(The Application of Modified NGT in Evaluating Creative Teaching Model For Polytechnic Islamic Education Lecturer)

Norfarahi Zulkifli^{1*}, Mohd Isa Hamzah², Khadijah Abdul Razak²

¹Jabatan Pengajian Am, Politeknik Ibrahim Sultan, 81700 Pasir Gudang, Malaysia

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia

*Corresponding Author Email: norfarahi@pis.edu.my

Received: 19 September 2022 • Accepted: 13 April 2023 • Published: 31 October 2023

Abstract

A product that has been developed requires a form of evaluation to see the effectiveness of the product and this evaluation can be carried out through internal evaluation as well as external evaluation. Therefore, this study was conducted to evaluate the usability of the creative teaching model for polytechnic Islamic Education lecturers that had been developed. This evaluation also looks at the propriety of using the model in the teaching process of Islamic Education lecturers at polytechnics. An internal evaluation using the Modified Nominal Group Technique (NGT) was carried out with 30 polytechnic Islamic Education lecturers. The findings of the study have shown that all the evaluated elements have obtained a usability percentage value of more than 70%. Further studies can be carried out to study the effectiveness of the model through external evaluation by experimental research.

Keywords: *Creative Teaching Model; Islamic Education; Modified Nominal Group Technique; Polytechnic*

Abstrak

Sesebuah produk yang telah dibangunkan memerlukan satu bentuk penilaian bagi melihat keberkesanan produk tersebut dan penilaian ini juga boleh dilaksanakan secara penilaian dalaman dan juga penilaian luaran. Justeru, kajian ini dijalankan bagi menilai kebolegunaan model pengajaran kreatif bagi pensyarah Pendidikan Islam politeknik yang telah dibangunkan. Penilaian ini juga melihat kewajaran penggunaan

model tersebut dalam proses pengajaran pensyarah Pendidikan Islam di politeknik. Satu penilaian dalaman dengan menggunakan teknik Modified Nominal Group Technique (NGT) telah dilaksanakan bersama 30 orang pensyarah Pendidikan Islam politeknik. Dapatan kajian telah menunjukkan kesemua elemen yang dinilai telah mendapat nilai peratusan kebolegunaan melebihi 70%. Kajian lanjutan boleh dilaksanakan dengan menguji keberkesanan model melalui penilaian luaran dengan membuat kajian eksperimen.

Kata kunci: Modified Nominal Group Technique; Model Pengajaran Kreatif; Pendidikan Islam; Politeknik

Cite as: Zulkifli, N., Hamzah, M.I., & Razak K.A. (2023). *The Application of Modified NGT in Evaluating Creative Teaching Model For Polytechnic Islamic Education Lecturer. Asian People Journal, 6(2), 47-59.*


PENGENALAN

Penulisan ini mengetengahkan salah satu teknik yang boleh digunakan untuk menilai kebolegunaan produk. Dalam fasa penilaian, proses pengesahan model berlaku dalam dua bentuk iaitu secara dalaman dan luaran. Pengesahan model dalaman berhubungan dengan integriti komponen dan proses model dan bagaimana model digunakan dalam situasi rekabentuk pengajaran (Richey, 2005) dan melihat kepada komponen model dan cara model itu berfungsi (Richey & Klein, 2007). Manakala pengesahan model luaran pula merujuk kepada bagaimana model itu memberi impak kepada produk dan pengguna akhir (Richey & Klein, 2007). Disebabkan kajian ini menumpukan kepada pembangunan model pengajaran, maka pada fasa ini pengkaji hanya akan membuat penilaian dalaman untuk mengesahkan komponen yang wujud di dalam model dan melihat cara setiap komponen berfungsi seperti yang dicadangkan oleh Richey (2005). Telah diakui oleh ramai sarjana sebelum ini bahawa teknik NGT merupakan alat penilaian yang sangat efektif, berguna dan boleh dipercayai sebagai satu proses untuk perbincangan bagi mendapatkan kesepakatan pakar (Dobbie et al. 2004; Harvey & Holmes 2012; Odu 2017; Søndergaard et al. 2018). Bagi proses ini, sesi pembentangan dan perbincangan akan dijalankan berdasarkan kepada prosedur yang telah ditetapkan. Pendekatan NGT merupakan alat yang sangat berguna untuk menyelesaikan masalah membuat keputusan kumpulan dan teknik ini dijalankan megikut langkah-langkah berikut (R. Islam n.d.) dan Rafikul (2002):

- i. Pernyataan soalan yang berkaitan dengan isu.
- ii. Penjanaan idea senyap secara bertulis.
- iii. Rakaman idea.
- iv. Siri perbincangan mengenai idea.
- v. Mengundi untuk memilih idea yang paling penting.
- vi. Perbincangan mengenai idea yang dipilih.

Jika disoroti kembali, kesepakatan sarjana telah menghujahkan bahawa secara asasnya terdapat lima langkah asas bagi menjalankan teknik ini (Dung, 2015; Harvey & Holmes, 2012; Williams et al. 2006). Langkah-langkah asas berdasarkan kajian mereka adalah meliputi (1) Penerangan tentang kajian yang akan dijalankan; (2) Proses pencetusan idea oleh peserta kajian; (3) Perkongsian idea di antara peserta kajian; (4) Perbincangan item, tema dan elemen bagi isu yang dikaji; dan (5) Proses pengundian peserta kajian. Namun begitu terdapat juga kajian yang dijalankan dengan menggunakan teknik ini melebihi daripada lima langkah seperti kajian Dobbie et. al (2004) yang mengaplikasikan lapan langkah untuk mendapatkan data kajian seperti berikut (1) fasa pembentangan; (2) fasa senyap (pencetusan idea); (3) fasa perkongsian idea; (4) fasa perbincangan dan penjelasan idea; (5) fasa pengundian; (6) fasa pengumpulan data kumpulan kecil; (7) fasa penggabungan data kumpulan kecil; dan (8) fasa rumusan.

Teknik NGT yang dilaksanakan dalam kajian ini adalah dengan menggunakan teknik NGT yang telah diubahsuai (modified NGT). Pengubahsuaian dilakukan kerana selain menjimatkan masa, ia turut berkesan dalam menentukan pandangan atau persepsi individu berkaitan topik yang spesifik (Williams et al, 2006). Pengkaji mengadaptasi prosedur pelaksanaannya berdasarkan Mohd Ridhuan & Nurul Rabihah (2020) yang memperlihatkan lima langkah asas iaitu (1) Penerangan tentang kajian yang dijalankan; (2) Proses pencetusan idea oleh peserta kajian; (3) Perkongsian idea di antara peserta kajian; (4) Perbincangan item dan (5) Proses pengundian peserta kajian. Prosedur ini juga selaras dengan Wiilliam et.al (2006), Dang (2015) dan Harvey & Holmes (2012). Carta alir di bawah memperlihatkan pelaksanaan langkah-langkah NGT dan penerangan bagi kelima-lima langkah asas Teknik NGT ini dihuraikan dalam rajah di bawah.



Rajah 1: Carta Alir Pendekatan NGT

Proses pelaksanaan teknik NGT melibatkan perbincangan kumpulan yang dikawal oleh seorang ketua ataupun fasilitator (Perry & Linsley, 2006). Justeru, fasilitator bertindak sebagai pengumpul idea dari interaksi ahli kumpulan yang berbincang dan boleh mengurus aliran maklumat dalam perbincangan yang berjalan. Fasilitator juga bersifat normal dan tidak mentafsir idea yang diberikan oleh peserta kajian. Huraian bagi langkah pelaksanaan NGT adalah seperti dalam jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Huraian Proses Pelaksanaan NGT

Langkah	Huraian
Penerangan tentang kajian yang dijalankan	Peringkat ini sebagai pembukaan yang melibatkan proses penerangan dan pembentangan. Penerangan mengenai kajian yang dijalankan perlu diterangkan oleh fasilitator secara jelas. Penerangan ini meliputi tujuan kajian, prosedur kajian dan tanggungjawab peserta kajian. Seterusnya, fasilitator membuat pembentangan mengenai model yang dibangunkan. Peserta kajian juga dibekalkan dengan lampiran yang mengandungi soalan khusus untuk sesi perbincangan peserta kajian.
Proses pencetusan idea oleh peserta kajian	Peringkat kedua ini adalah proses pencetusan idea oleh peserta kajian. Kesemua peserta kajian boleh mencatatkan segala idea yang mereka dapati dari pembentangan fasilitator semasa pembukaan. Peserta kajian diberi ruang untuk mengeluarkan idea dan dicatat di atas kertas.

Perkongsian idea di antara peserta kajian	Peringkat ketiga ini melibatkan perkongsian idea di antara semua peserta kajian. Semua idea dan cadangan dari ahli kumpulan dicatatkan dan dipamerkan kepada semua peserta kajian. Idea dicatatkan agar tidak berlaku kehilangan idea dan pandangan dari peserta kajian. Setiap peserta kajian menulis idea atau cadangan masing-masing mengikut giliran sehingga selesai giliran semua ahli. Peringkat ini boleh mengambil masa 25 hingga 30 minit (Mohd Ridhuan & Nurulrabihah, 2020). Perkongsian ini bersifat perkongsian intelektual kerana tidak ada perbincangan atau dipengaruhi sesiapa.
(4) Perbincangan item, tema dan elemen yang dikaji	Pada peringkat keempat ini, fasilitator membacakan setiap item dan menjelaskan setiap item secara ringkas dan proses ini boleh mengambil masa 5 hingga 10 minit berdasarkan Mohd Ridhuan & Nurulrabihah (2020). Semasa proses ini berlangsung, peserta kajian boleh mengemukakan pandangan terhadap mana-mana item dan sekiranya berlaku pertindihan idea maka idea tersebut boleh digabungkan atau hanya boleh dibuang berdasarkan persetujuan dan budi bicara ahli kumpulan.
(5) Proses pengundian peserta kajian	Pada peringkat ini, setiap ahli kumpulan membuat penilaian ke atas semua item dan mereka diminta untuk mengundi dan memilih item yang paling disukai. Idea yang paling bagus diberikan skor 5 diikuti skor 4 dan seterusnya. Kesemua skor yang terkumpul akan dijumlahkan dan dikira mengikut susunan ketupamaan yang diberikan oleh ahli kumpulan. Kekuatan NGT terserlah pada peringkat ini di mana hanya item yang benar-benar relevan sahaja yang diundi dan telahpun semuanya melalui peringkat penilaian oleh ahli kumpulan.

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap kesesuaian dimensi utama model pengajaran kreatif bagi pensyarah Pendidikan Islam Politeknik berdasarkan pandangan pakar.
2. Mengenalpasti tahap kesesuaian elemen dalam dimensi model pengajaran kreatif bagi pensyarah Pendidikan Islam Politeknik berdasarkan pandangan pakar.
3. Mengenalpasti tahap kesesuaian aliran/keutamaan elemen bagi setiap dimensi model pengajaran kreatif bagi pensyarah Pendidikan Islam Politeknik berdasarkan pandangan pakar.

4. Mengenalpasti tahap kebolegunaan keseluruhan model pengajaran kreatif bagi pensyarah Pendidikan Islam Politeknik berdasarkan pandangan pakar.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji mengadakan bengkel secara dalam talian untuk mengumpulkan semua pakar pelaksana sebagai peserta kajian dan dipertemukan dalam bengkel ini. Pakar yang terlibat terdiri daripada pensyarah Pendidikan Islam di politeknik. Teknik Modified NGT diaplikasikan melalui bengkel yang memerlukan kesemua peserta kajian dipertemukan untuk berbincang selepas model yang dibina dibentangkan kepada mereka dan melibatkan proses sumbangan, perbincangan dan pengundian. Pakar adalah merupakan responden atau subjek kajian yang terlibat secara langsung di dalam memberi maklumat dan data bagi menjawab persoalan kajian di dalam fasa penilaian kebolegunaan. Pemilihan para pensyarah ini sebagai pakar kajian adalah selaras dengan pandangan Dalkey dan Helmert (1963) bahawa peserta kajian dipilih hendaklah mempunyai ilmu pengetahuan dan kefahaman yang mendalam di dalam konteks kajian. Pandangan ini adalah seiring dengan cetusan daripada Swanson & Holton (2008) turut mengutarakan bahawa pakar adalah dikategorikan sebagai mereka arif, berpengetahuan dan mahir di dalam sesuatu bidang yang dikaji.

Pengkaji akan memilih 30 orang pakar yang akan terlibat sebagai peserta kajian. Kewajaran bilangan ini adalah bersandarkan kepada kajian Dobbie et. al (2004) melibatkan 30 hingga 40 pakar kajian. Pengkaji mendapatkan maklumat mengenai penilaian model yang telah dibangunkan menerusi borang soal selidik yang diberikan kepada pakar pelaksana selepas sesi pembentangan model. Kesemua pakar pelaksana diminta untuk memberikan pandangan yang diterjemahkan ke dalam borang soal selidik kebolegunaan yang telah dibekalkan. Penganalisaan data yang dijalankan adalah melibatkan nilai skor undian kesemua pakar kajian di dalam skala Likert yang ditanda dan seterusnya nilai ini ditukarkan kepada bentuk peratusan. Nilai peratus 70.0% dan ke atas menunjukkan elemen, isu dan sebagainya adalah diterima dan boleh diukur kebolegunaannya (Dobbie et.al 2003; Deslandes et.al, 2010). Justeru, sekiranya peratus yang diterima kurang daripada 70% ianya adalah indikator bahawa elemen tersebut tidak diterima oleh kumpulan pakar pelaksana. Borang soal selidik yang diberikan kepada pakar kajian semasa perbengkelan mengandungi 5 bahagian yang perlu diisi iaitu Bahagian A berkaitan demografi peserta kajian, Bahagian B menjawab tentang kesesuaian dimensi model, Bahagian C menjawab tentang kesesuaian elemen dalam dimensi model, Bahagian D menjawab tentang kesesuaian aliran/keutamaan elemen dalam dimensi model dan Bahagian E menjawab tentang pandangan keseluruhan kebolegunaan model pengajaran kreatif yang telah dibangunkan.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Kajian ini memberi tumpuan kepada pensyarah Pendidikan Islam Politeknik yang terlibat sebagai pakar pelaksana. Seramai 30 orang pakar terlibat dalam Nominal Group Technique yang dijalankan secara maya dan keseluruhan pakar telah memberikan respon kepada soal selidik yang juga dibekalkan secara dalam talian. Dapatan kajian ini meliputi taburan demografi, kesesuaian dimensi utama model.

1. Demografi

Bagi melihat latar belakang responden, sebanyak tiga ciri demografi telah digunakan seperti jantina, umur dan pengalaman mengajar dibentangkan dalam bentuk jadual berdasarkan bilangan dan peratusan responden. Taburan

demografi responden dipaparkan dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Taburan Demografi Pakar Pelaksana

Demografi	Sub-profil	Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	12	40
	Perempuan	18	60
Kelayakan Akademik	Diploma	-	-
	Ijazah Sarjana Muda	17	56.7
	Ijazah Sarjana	12	40
	Doktor Falsafah	1	3.3
Pengalaman mengajar	5 tahun ke bawah	-	-
	6 hingga 10 tahun	6	20
	11 hingga 15 tahun	24	80
	Melebihi 16 tahun	-	-

Berdasarkan kepada jadual di atas, dapat dilihat dengan jelas bahawa menunjukkan bahawa pakar kajian yang telah terlibat dalam fasa penilaian kebolegunaan ini kesemuanya berada pada tahap profesional dengan sekurang-kurangnya memiliki ijazah sarjana muda. Kelayakan akademik penting untuk dilihat kerana ia menjelaskan tahap pengetahuan dalam bidang pendidikan yang dimiliki oleh pakar tersebut dan perkara ini amat bertepatan dengan pandangan Swanson dan Holton (2008) yang menghujahkan bahawa seorang itu dianggap pakar apabila ia mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi di dalam sesuatu bidang. Pengkaji juga turut mengketengahkan demografi berkaitan pengalaman mengajar dan disorot kepada jadual di atas, kesemua pakar mempunyai pengalaman mengajar melebihi 5 tahun dan tiada pakar yang berpengalaman kurang dari 5 tahun. Ini menunjukkan bahawa pakar kajian di dalam kajian ini adalah dianggap berpengalaman dan berpengetahuan dalam bidang mereka kerana Berliner (2004a; 2004b) menghujah bahawa seseorang individu adalah dianggap mahir dan berpengetahuan dalam sesuatu bidang sekiranya ia mempunyai pengalaman di dalam bidang tersebut melebihi tempoh 5 tahun. Oleh yang demikian, seramai 6 orang peserta kajian yang mempunyai pengalaman selama 5 tahun hingga 10 tahun dengan peratusan 20%. Manakala seramai 24 (80%) orang peserta kajian mempunyai pengalaman 11-15 tahun tiada responden yang berpengalaman melebihi 16 tahun.

2. Kesesuaian Dimensi Utama Model

Kesesuaian dimensi utama model adalah dinilai daripada nilai peratusan skor yang diberikan oleh pakar dan penerimaan kesesuaian adalah pada skor yang melebihi 70%. Dapatan penilaian kesesuaian dimensi utama bagi model pengajaran kreatif dipaparkan dalam jadual 2 di bawah.

Jadual 3: Dapatan Penilaian Kesesuaian Dimensi Utama Model

Bil	Dimensi Utama	Jumlah Skor	Peratus (%)	Status Penilaian
1	Persediaan Pengajaran	191	91.0	Sesuai
2	Perkembangan Strategi Pengajaran	191	91.0	Sesuai
3	Penilaian	194	92.4	Sesuai
4	Peluang Peningkatan Strategi dan Kemahiran	191	91.0	Sesuai

Berdasarkan jadual di atas, dapatan kajian jelas menunjukkan keempat-empat dimensi tersebut berada pada status sesuai kerana semua dimensi mendapat nilai peratusan kebolegunaan melebihi 70%. Justeru, dimensi-dimensi ini sesuai sebagai dimensi utama model pengajaran kreatif bagi pensyarah Pendidikan Islam politeknik berdasarkan pandangan pakar pelaksana.

3. Kesesuaian Elemen Dalam Dimensi

Kesesuaian elemen dalam dimensi model adalah dinilai daripada nilai peratusan skor yang diberikan oleh pakar dan penerimaan kesesuaian adalah pada skor yang melebihi 70%. Dapatan penilaian kesesuaian elemen dalam dimensi bagi model pengajaran kreatif dipaparkan dalam jadual di bawah.

Jadual 4: Dapatan Penilaian Kesesuaian Elemen Dalam Dimensi Model

Bil	Elemen	Jumlah Skor	Peratus (%)	Status Penilaian
Dimensi Persediaan Pengajaran				
1	Pensyarah mendengar segala idea yang dilontarkan oleh pelajar	183	87.1	Sesuai
2	Pensyarah menyusun proses pengajaran dan pembelajaran yang kreatif agar pelajar tahu tentang proses PdP yang akan dilaksanakan	198	94.3	Sesuai
Dimensi Perkembangan Strategi Pengajaran				
1	Pensyarah sentiasa bersedia melakukan penambahbaikan dalam penyampaian PdP yang kreatif.	195	92.9	Sesuai
2	Pensyarah melatih diri untuk istiqamah menerapkan nilai-nilai yang baik kepada pelajar di dalam dan luar PdP	193	91.9	Sesuai
3	Pensyarah membimbing pelajar membuat rumusan pada akhir PdP dengan perkaitan mengenai pengalaman dan bidang pengajian pelajar.	194	92.4	Sesuai

4	Pensyarah hendaklah bersedia menyertai latihan untuk meningkatkan kreativiti dalam pengajaran.	197	93.8	Sesuai
5	Pensyarah sentiasa membimbing pelajar untuk berbincang secara aktif dalam proses PdP	196	93.3	Sesuai
6	Pensyarah membiasakan pelajar untuk membuat refleksi dan muhasabah diri setiap kali tamat proses PdP.	196	93.3	Sesuai
7	Pensyarah menyesuaikan amalan pengajaran kreatif dengan objektif PdP yang dilaksanakan	199	94.8	Sesuai
8	Pensyarah menguasai kandungan pelajaran yang akan disampaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).	198	94.3	Sesuai
9	Pensyarah mendorong pelajar untuk melontarkan idea sepanjang proses PdP yang akan berlangsung	192	91.4	Sesuai
10	Pensyarah membimbing pelajar untuk menganalisis maklumat yang diterima melalui teknologi yang digunakan.	193	91.9	Sesuai
11	Pensyarah membimbing pelajar untuk meneroka idea secara sendiri.	194	92.4	Sesuai
12	Pensyarah sentiasa membantu pelajar memilih sumber teknologi yang diperlukan dalam proses PdP.	194	92.4	Sesuai
13	Pensyarah menjana idea untuk membangunkan inovasi dalam PdP untuk meningkatkan kreativiti pengajaran.	194	92.4	Sesuai
14	Pensyarah hendaklah fleksibel dalam menyesuaikan persekitaran di politeknik untuk diaplikasikan secara kreatif dalam proses PdP.	193	91.9	Sesuai
15	Pensyarah mahir menggunakan teknologi pendidikan untuk pelaksanaan PdP yang dapat meningkatkan kreativiti pengajaran	194	92.4	Sesuai
16	Pensyarah bersedia untuk menyantuni pelajar sepanjang proses PdP dan di luar PdP.	194	92.4	Sesuai
17	Pensyarah mengingatkan pelajar untuk peka dengan persekitaran pembelajaran yang ada	192	91.4	Sesuai
18	Pensyarah menguasai aktiviti PdP yang akan dijalankan.	198	94.3	Sesuai
19	Pensyarah mempamerkan ketrampilan yang baik dan boleh dijadikan contoh kepada pelajar.	199	94.8	Sesuai
20	Pensyarah mendorong pelajar untuk bersedia menerima teguran dan pembedahan yang diberikan sebagai satu ruang pembelajaran.	195	92.9	Sesuai
21	Pensyarah menggalakkan pelajar meneroka penggunaan teknologi dan media baharu	198	94.3	Sesuai

	dalam tugas mereka untuk meningkatkan kreativiti.			
22	Pensyarah mahir menggunakan media baharu yang bersesuaian sebagai bahan bantu mengajar yang kreatif dalam PdP untuk membangunkan persekitaran kreatif kepada pelajar.	196	93.3	Sesuai
23	Pensyarah mengajukan soalan secara kreatif pada permulaan, perkembangan dan penutup PdP untuk menggalakkan pelajar berfikir secara kreatif	195	92.9	Sesuai

Dimensi Penilaian

1	Pensyarah memberikan maklum balas secara berhikmah kepada setiap aktiviti dan tugas yang diselesaikan oleh pelajar.	196	93.3	Sesuai
2	Pensyarah memastikan aktiviti dan tugas pelajar dapat dikaitkan dengan bidang pengajian, pengalaman pelajar dan niche area politeknik.	193	91.9	Sesuai
3	Pensyarah mengaplikasikan pengembaraan dan pemerhatian yang membolehkan pelajar membuat refleksi berdasarkan penglihatan dan pendengaran untuk membantu membentuk sahsiah pelajar.	192	91.4	Sesuai
4	Pensyarah bersedia dengan risiko yang dihadapi sepanjang proses PdP.	192	91.4	Sesuai
5	Pensyarah melatih idea pelajar ke arah penyelidikan dan inovasi dalam tugas PdP	199	94.8	Sesuai
6	Pensyarah menyelitkan unsur ‘surprise’ dalam proses PdP untuk menarik perhatian pelajar seperti memberi ganjaran	198	94.3	Sesuai

Dimensi Peluang Peningkatan Strategi dan Kemahiran

1	Pensyarah memastikan susun atur kelas dan persekitaran bersesuaian dengan proses PdP yang berlangsung.	192	91.4	Sesuai
2	Pensyarah menggunakan komunikasi dua hala yang berkesan untuk berinteraksi dengan pelajar.	194	92.4	Sesuai
3	Pensyarah mendorong pelajar untuk mengemukakan idea-idea baharu yang kreatif.	200	95.2	Sesuai
4	Pensyarah memastikan susun atur kelas dan persekitaran bersesuaian dengan proses PdP yang berlangsung.	192	91.4	Sesuai

5	Pensyarah menggunakan komunikasi dua hala yang berkesan untuk berinteraksi dengan pelajar.	199	94.8	Sesuai
6	Pensyarah mendorong pelajar untuk mengemukakan idea-idea baharu yang kreatif.	197	93.8	Sesuai
7	Pensyarah memilih dan menggunakan teknologi yang sesuai serta mudah dicapai dalam untuk memudahkan penyampaian PdP	195	92.9	Sesuai
8	Pensyarah melaksanakan aktiviti PdP kreatif seperti kaedah berasaskan projek, pembacaan dan penyelesaian misteri, innovative e-learning serta pembelajaran berasaskan masalah yang boleh menjana minda pelajar.	194	92.4	Sesuai

Berdasarkan jadual di atas, dapatan kajian jelas menunjukkan kesemua elemen di dalam dimensi tersebut berada pada status sesuai kerana semua elemen mendapat nilai peratusan kebolehgunaan melebihi 70%. Justeru, elemen-elemen tersebut adalah sesuai untuk berada di dalam dimensi utama model pengajaran kreatif bagi pensyarah Pendidikan Islam politeknik berdasarkan pandangan pakar pelaksana.

4. Kesesuaian Aliran Keutamaan Elemen Dalam Dimensi Model

Kesesuaian aliran keutamaan elemen dalam dimensi model adalah dinilai daripada nilai peratusan skor yang diberikan oleh pakar dan penerimaan kesesuaian adalah pada skor yang melebihi 70%. Dapatan penilaian aliran keutamaan elemen dalam dimensi model pengajaran kreatif dipaparkan dalam jadual di bawah.

Jadual 5: Dapatan Penilaian Kesesuaian Aliran Keutamaan Elemen Dalam Dimensi Model

Bil	Aliran Keutamaan Elemen Dalam Dimensi Model	Jumlah Skor	Peratus (%)	Status Penilaian
1	Aliran Keutamaan Elemen Bagi Dimensi Persediaan Pengajaran	196	93.3	Sesuai
2	Aliran Keutamaan Elemen Bagi Dimensi Perkembangan Strategi Pengajaran	196	93.3	Sesuai
3	Aliran Keutamaan Elemen Bagi Dimensi Penilaian	200	95.2	Sesuai
4	Aliran Keutamaan Elemen Bagi Dimensi Peluang Peningkatan Strategi dan Kemahiran	199	94.8	Sesuai

Berdasarkan jadual di atas, dapatan kajian jelas menunjukkan kesemua aliran keutamaan elemen di dalam dimensi tersebut berada pada status sesuai kerana semua aliran keutamaan mendapat nilai peratusan kebolehgunaan melebihi 70%. Justeru, aliran keutamaan elemen tersebut adalah sesuai untuk di dalam dimensi model pengajaran kreatif bagi pensyarah Pendidikan Islam politeknik berdasarkan pandangan pakar pelaksana.

5. Kebolegunaan Model

Kebolegunaan model adalah dinilai daripada nilai peratusan skor yang diberikan oleh pakar dan penerimaan kesesuaian adalah pada skor yang melebihi 70%. Dapatan penilaian kesesuaian elemen dalam dimensi bagi model pengajaran kreatif dipaparkan dalam jadual di bawah

Jadual 6: Dapatan Kebolegunaan Model

Bil	Kenyataan	Jumlah Skor	Peratus (%)	Status Penilaian
1	Model ini boleh dikuasai dengan mudah oleh pensyarah Pendidikan Islam politeknik.	191	91.0	Sesuai
2	Model ini amat praktikal digunakan oleh pensyarah Pendidikan Islam politeknik dalam proses pengajaran kepada pelajar	194	92.4	Sesuai
3	Model ini berupaya menjadi panduan kepada pensyarah Pendidikan Islam politeknik dalam merancang pengajaran kreatif	193	91.9	Sesuai
4	Model ini menunjukkan secara jelas kepada pensyarah Pendidikan Islam politeknik tentang persediaan pengajaran kreatif kepada pelajar.	190	90.5	Sesuai
5	Model ini menunjukkan secara jelas kepada pensyarah Pendidikan Islam politeknik tentang strategi pengajaran kreatif untuk proses PdP.	191	91.0	Sesuai
6	Model ini menunjukkan secara jelas kepada pensyarah Pendidikan Islam politeknik tentang proses penilaian dalam pengajaran kreatif untuk proses PdP.	191	91.0	Sesuai
7	Model ini menunjukkan secara jelas kepada pensyarah Pendidikan Islam politeknik tentang peluang peningkatan strategi dan kemahiran pengajaran kreatif.	190	90.5	Sesuai
8	Model ini adalah model yang holistik kerana pensyarah Pendidikan Islam politeknik dapat merancang strategi pengajaran kreatif mengikut amalan dan kemahiran tertentu.	192	91.4	Sesuai

Berdasarkan jadual di atas, dapatan kajian jelas menunjukkan kesemua peratusan elemen bagi penilaian kebolegunaan berada pada status sesuai kerana mendapat nilai peratusan kebolegunaan melebihi 70%. Justeru, peratusan ini menunjukkan model pengajaran kreatif bagi pensyarah Pendidikan Islam politeknik adalah sesuai untuk digunakan berdasarkan pandangan pakar pelaksana. Secara keseluruhannya dapatan kajian penilaian kebolegunaan ini menunjukkan kesemua dimensi, elemen dalam dimensi, aliran keutamaan dan elemen kebolegunaan model pengajaran kreatif bagi pensyarah Pendidikan Islam politeknik yang telah dibangunkan oleh pengkaji adalah mencapai status boleh digunakan berdasarkan pandangan pakar pelaksana.

KESIMPULAN

Kajian ini telah melihat penilaian kebolegunaan terhadap model pengajaran kreatif yang telah dibangunkan bagi pensyarah Pendidikan Islam politeknik. Hasil dapatan kajian telah menunjukkan bahawa kesemua peratusan elemen yang dinilai memperoleh tahap sesuai digunakan kerana telah mendapat peratusan melebihi 70% seperti yang telah disyaratkan berdasarkan kajian-kajian lepas berkaitan NGT (Dobbie et.al 2003; Deslandes et.al, 2010). Justeru, pengkaji merumuskan bahawa semua pakar pelaksana yang bertindak sebagai peserta kajian bersetuju bahawa semua dimensi utama, elemen dalam dimensi, aliran keutamaan dan kebolegunaan model adalah mencapai status boleh digunakan berdasarkan pandangan peserta kajian. Hal ini juga jelas menunjukkan persetujuan pakar diberikan kepada semua elemen yang terkandung dalam model melalui teknik NGT untuk penilaian dalaman model. Ini menunjukkan model ini telah disahkan untuk digunakan, dimensi dan elemen di dalam dimensi model ini adalah difahami dan mencapai status boleh digunakan. Pengkaji merumuskan bahawa keempat-empat dimensi dan elemen yang terkandung dalam dimensi tersebut mempunyai status kebolegunaan yang tinggi dan bersesuaian.

Berdasarkan nilai peratusan penerimaan yang diberikan oleh pakar, jelas menunjukkan keseluruhan kebolegunaan model adalah sesuai digunakan oleh pensyarah Pendidikan Islam di politeknik sebagai satu panduan yang membantu mereka untuk melaksanakan pengajaran secara kreatif. Model yang dibangunkan ini secara keseluruhannya memberikan maklumat kepada pensyarah Pendidikan Islam politeknik mengenai persediaan yang perlu dilakukan untuk pengajaran kreatif, strategi pengajaran kreatif, proses penilaian yang boleh dilakukan oleh pensyarah Pendidikan Islam dalam pengajaran kreatif serta menunjukkan bagaimana peluang untuk meningkatkan strategi dan kemahiran mereka. Melalui kajian ini juga, jelas dapat dilihat bahawa Teknik NGT ternyata berhasil bagi mendapatkan pandangan peserta kajian mengenai kebolegunaan model. Selain dari memberi kepelbagaian kaedah penilaian, teknik ini dapat menjimatkan masa dan membantu pengkaji mendapatkan pandangan yang tepat yang diterjemahkan menerusi soal selidik

RUJUKAN

- Berliner, C.David. (2004). *Expert Teachers: Their characteristics, development and accomplishments*, Ponencies De La Teoria A L'aula, 13-28.
- Deslandes, S.F, Mendes, C.H.F, Pires,T.O & Campos, D.S. (2010).Use of the Nominal GroupTechnique and the Delphi Method to draw up evaluation indicators for strategies to dealwith violence against children and adolescent in Brazil, *Rev. Bras.SaudeMatern.Infant.,Recife*, 10 (1), 29-37.
- Dobbie, A., Rhodes, M., Tysinger, JW. & Freeman, J. (2004). Using a Modified Nominal Group Technique as a curriculum evaluation tool, *Family Medicine* 36 (6), 402-406.
- Dalkey, N. C., & Helmer, O. (1963). An experimental application of the Delphi method to the use of experts. *Management Science*, 9(3), 458-467.
- Deslandes, S.F., Corina Helena Figueira Mendes, C.H.F., Pires, T.O., & Campos, D.S. (2010). Use of the Nominal Group Technique and the Delphi Method to draw up evaluation indicators for strategies to deal with violence against children and adolescents in Brazil. *Rev. Bras. Saúde Matern. Infant.,10(1)*, 29-37.
- Dang, V.H. (2015). *The Use Of Nominal Group Technique : Case Study In Vietnam*. *World Journal of Education*,

5(4), 14 – 25.

- Harvey, N. & Holmes, C.A. (2012). Nominal group technique: An effective method for obtaining group consensus. *International Journal of Nursing Practice*, 18, 188 - 19.
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil, & Nurul Rabihah Mat Noh. (2020). *Kepelbagaian metodologi dalam penyelidikan reka bentuk dan pembangunan* (1st ed.). Shah Alam: Qaisar Prestige Resources.
- Odu, G. O. (2017). Relationship between Nominal Group Techniques and Concurrent Engineering: A Review 03(03): 47–62.
- Perry, J. & Linsley, S. (2006). The use of the nominal group technique as an evaluative tool in the teaching and summative assessment of the inter-personal skills of student mental health nurses. *Nurse Education Today*, 26, 346-53.
- Richey, R., & Klien, J. (2007). *Design and development research: Method, strategies and issues*. London: Erlbaum.
- Richey, R. C. (2005). Validating instructional design and development models. In J. M. Spector & D. A. Wiley (Eds.), *Innovations in Instructional Technology: Essays in Honor of M. David Merrill* (pp. 171–185). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, Publisher (2) (PDF) *The construction and validation of an instructional systems design model incorporating multiple intelligences* /. Available from: https://www.researchgate.net/publication/35003753_The_construction_and_validation_of_an_instructional_systems_design_model_incorporating_multiple_intelligences [accessed Sep 14 2022].
- Rafikul Islam. (2002). Modified Nominal Group Technique For group Decision-Making. *IJUM Journal of Economics and Management* 10(2),1-27.
- Swanson, R.A. & Holton, E.F. (2008). *Foundations of Human Resource Development*. Berrett-Koehler Publishers, Inc.
- Søndergaard, E., Ertmann, R. K., Reventlow, S. & Lykke, K. (2018). Using a modified nominal group technique to develop general practice. *BMC Family Practice* 19(1). doi:10.1186/s12875-018-0811-9.
- Williams, P.L., White, N., Klem, R., Wilson, S.E., & Bartholomew, P. (2006). Clinical education and training: Using the nominal group technique in research with radiographers to identify factors affecting quality and capacity. *Radiography*, 12, 215-224. doi: 10.1016/j.radi.2005.06.001.